

TEKS UCAPAN
PENGERUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN, ALAM
SEKITAR DAN PERLADANGAN NEGERI PAHANG
BENGGEL PEMATUHAN SYARAT LESEN KILANG KELAPA
SAWIT NEGERI PAHANG TAHUN 2020
THE ZENITH HOTEL, KUANTAN
07 JULAI 2020

SALUTATION

Terima kasih saudara Pengacara Majlis;
Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Yang Berbahagia Tuan Hj. Mohd Sani Bin Mat Daud
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Yang Berbahagia Puan Noor Shahnayati Binti Ahmad Shukri
Timbalan Pengarah (Operasi)
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Yang Berbahagia Encik Muhammad Hisyam Bin Abdullah
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Yang Berbahagia Encik Mohd Holed Bin Tarmidi
Ketua Zon 1 Felda Global Ventures Palm Industries Sdn. Bhd.

Pegawai-Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Pihak media

Seterusnya Tuan-Tuan/Puan-Puan Peserta bengkel pada hari ini;

PENDAHULUAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

1. Pertamanya marilah kita memanjatkan setinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya dapatlah kita berkumpul bersama-sama di dalam **Bengkel Pematuhan Syarat Lesen Kilang Kelapa Sawit Negeri Pahang Tahun 2020** sempena Hari Alam Sekitar Sedunia.

2. Sebagai pembuka bicara, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak JAS Negeri Pahang kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan bengkel ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang turut terlibat dalam menjayakan program pada hari ini. Ini juga menunjukkan contoh 'Blue Ocean Strategy' atau kerjasama antara agensi kerajaan dan pihak kilang kelapa sawit dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik selain memastikan pematuhan terhadap perundangan yang berkaitan.

Yang Berbahagia Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

3. Saya telah dimaklumkan bahawa objektif utama bengkel ini antaranya adalah untuk meningkatkan pemahaman terhadap pematuhan syarat-syarat lesen KKS selain memberi peluang dan mencari penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak KKS dalam mematuhi syarat lesen melalui sesi dialog bersama pihak pengurusan tertinggi JAS Pahang.

4. Selain itu, bengkel ini juga boleh dijadikan platform bagi perjumpaan bersama di kalangan pengurusan KKS dan pengurusan tertinggi JAS sebagai agensi penguatkuasa. Ia juga mewujudkan ruang dalam memastikan kerjasama yang strategik dan berterusan diantara semua pihak dalam menangani isu-isu ketidakpatuhan yang dihadapi.

Yang Berbahagia Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Saya dimaklumkan bahawa keseluruhan Negeri Pahang mempunyai 71 buah Kilang Kelapa Sawit. Ianya merupakan jumlah yang tinggi sekaligus menempatkan Negeri Pahang, negeri yang terbanyak mempunyai Kilang Kelapa Sawit di Semenanjung Malaysia.

6. Adalah menjadi Visi Negeri Pahang terhadap Industri Kilang Kelapa Sawit dengan memastikan **Pematuhan 100% terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974** pada **Tahun 2021**. Usaha ini adalah bagi mengurangkan beban pencemaran secara berterusan dan mengekalkan serta meningkatkan persekitaran alam semula jadi. **Penguatkuasaan yang menyeluruh dan tindakan tegas terhadap KKS yang mencemarkan alam sekitar** turut menjadi misi Negeri Pahang. Saya tahu ianya bukanlah mudah untuk tuan puan mematuhi 100% pematuhan yang ditetapkan, tetapi saya percaya dengan kebolehan pihak industri, kebolehan teknologi serta kemahiran yang ada, kita pasti dapat mencapai apa yang disasarkan.

7. Saya difahamkan pelupusan tandan kosong kelapa sawit merupakan isu besar yang dihadapi oleh Kilang Kelapa Sawit di Negeri Pahang. Dengan jumlah penghasilan sebanyak 279, 737 MT sebulan pastinya akan memberi kesan buruk kepada kelestarian alam sekitar dan ekonomi sebuah negeri sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Kegagalan menguruskan tandan kosong kelapa sawit dengan baik menyebabkan penghasilan air larut resapan (*leachate*) yang bolkeh mencemarkan alur air. Selain itu, terdapat juga tapak pengumpulan tandan kosong kelapa sawit yang terbakar terutamanya pada musim kemarau.

8. Sekiranya kita dapat mencari alternatif yang lebih sesuai dalam menguruskan pelupusan tandan kosong kelapa sawit, pastinya kesan-kesan tersebut dapat dikurangkan. Kita semua maklum bahawa tandan kosong kelapa sawit ini boleh diolah dan diguna semula dengan pelbagai cara serta boleh menghasilkan produk guna semula yang boleh mendatangkan keuntungan, tidak hanya kepada pengeluar tandan kosong, malah kepada pengilang guna semula. Kebanyakan tandan kosong yang terhasil di Negeri Pahang hanya dikumpulkan dan dilupuskan melalui kaedah *mulching* atau dipanggil pelupusan ladang dan dijadikan baja pada pokok sawit.

Yang Berbahagia Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Adalah menjadi hasrat Negeri Pahang untuk kita semua bersama-sama berganding bahu memastikan masalah lambakan tandan kosong ini dapat diselesaikan dengan baik dan mendatangkan keuntungan kepada semua pihak.

10. Selari dengan matlamat itu, Bengkel ini juga dijalankan bersempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap hari dengan membawa tema “Waktunya untuk Alam”. Negara masih dibayangi dengan wabak COVID-19 dengan bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 yang lalu. Adakah ini merupakan teguran alam kepada kita dimana keghairahan manusia menghancurkan rangkaian biodiversity, memberi kesan negatif di dalam sistem yang menyokong keseimbangan alam dan kehidupan manusia.

11. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini mendambakan tindakan kembali kepada alam, mendokong fitrah kejadian dan memastikan pemuliharaan alam sekitar ditingkatkan dengan kekangan masa yang ada.

Yang Berbahagia Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

12. Adalah menjadi harapan saya agar semua pihak dapat berganding bahu untuk memelihara dan memulihara alam sekitar seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara yang menzahirkan pembangunan secara mapan.

PENUTUP

13. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang hadir menjayakan bengkel ini. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke program ini membuktikan sokongan padu terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar. Marilah kita bersama-sama menjadikan kelestarian alam sekitar dan pembangunan lestari tanggungjawab kita bersama.

Dengan Lafaz **Bismillahirrahmanirahim**, saya **merasmikan**

**BENGGKEL PEMATUHAN SYARAT LESEN KILANG KELAPA
SAWIT NEGERI PAHANG TAHUN 2020**

Sekian, terima kasih.

Wabilahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah
Hiwabarakatuh.